Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 20 hampir $\frac{3}{4}$ daripada pembunuhan yang berlaku adalah dikalangan lelaki iaitu hubungan dari segi pembunuh dan mangsanya. Iaini 75% daripada pembunuhan yang dilakukan adalah berlaku dimana lelaki membunuh lelaki - merupakan pembunuhan sesama sex. Yang lain ialah pembunuhan diantara sex yang berbeda iaitu sebanyak 25%. Dalam hal ini lebih ramai lelaki membunuh perempuan dari perempuan membunuh lelaki. Dalam kes yang dikaji ini tiada satu kejadian pun yang melibatkan pembunuhan oleh seorang perempuan keatas perempuan yang lain kecuali cuma ada satu kes dimana kedua-dua lelaki dan perempuan membunuh seorang perempuan.

Baik dalam kes VP maupun kes Non-VP didapati lebih 70% daripadanya adalah melibatkan pembunuhan antara lelaki dan lelaki. Disamping itu terdapat perbezaan yang ketara dalam kedua-dua kes ini iaitu dalam kes VP didapati lebih ramai perempuan membunuh lelaki daripada lelaki membunuh perempuan, iaini 17% dan 12% tiap-tiap satunya. Tapi dalam kes Non-VP pula didapati lebih ramai lelaki membunuh perempuan(20%) daripada perempuan membunuh lelaki(4%).

Adapun cara membunuh adalah berbeda dilakukan dalam pembunuhan sesama sex dan pembunuhan diantara sex yang berbeda.

Seperi yang ditunjukkan dalam jadual 21 didapati dalam pembunuhan antara lelaki dan lelaki cara menikam lah yanng paling banyak digunakan iaini 43% dan kemudian cara memukul iaini 28%, cara menembak hanya 19% dan lain-lain cara 10%.

Jika dilihat cara orang lelaki membunuh perempuan sebahagian besarnya menggunakan cara lain(46%) selain dari cara menikam(23%) dan memukul(23%). Tapi bila dilihat cara perempuan membunuh lelaki pula tiada satu kejadian pun dimana senjata api digunakan dan lain-lain cara selain dari menikam (67%) dan memukul(33%).

(c) Hubungan Interpersonal

Apa yang didapati dari hubungan interpersonal penjenayah dan mangsa perhubung dengan jenis pembunuhan didapati dalam kes VP sebahagian besarnya berlaku dikalangan keluarga dan kawan yang rapat dan kenalan biasa. Misalnya dari jadual 23 menunjukkan yang 25% kejadian berlaku antara mereka yang mempunyai hubungan darah atau keluarga misalnya pembunuhan seorang bapa keatas anaknya dan sebagainya, 38% berlaku dikalangan kenalan biasa, 17% dikalangan kenalan yang rapat dan 17% diantara suami isteri, biasanya isteri membunuh suaminya. Walau bagaimana pun ada satu kes terjadi dikalangan mereka yang tidak pernah kenal antara satu sama lain. Bagi kes Non-VP pula terdapat pada semua jenis hubungan interpersonal seperti

yang terdapat dalam jadual. Sebahagian besarnya adalah dikalangan kenalan biasa, kemudian dikalangan musuh dan kemudian nya dikalangan sahabat karib dan orang yang tidak dikenali. Bagi jenis hubungan yang lain adalah kecil bilangan nya.

Didapati hubungan antara penjenayah dan mangsa adalah mempengaruhi metod yang digunakan dalam pembunuhan. Sebagaimana dalam jadual 24, pembunuhan dikalangan kenalan biasa adalah lebih besar bilangannya dan cara yang paling banyak digunakan dikalangan mereka ialah dengan cara menikam iaini 39%. 23% darinya berlaku dikalangan musuh dan dikalangan mereka yang mempunyai hubungan keluarga. Juga terdapat dikalangan lain mereka yang tidak pernah kenal antara satu sama lain. Selain dari itu penikaman juga berlaku diantara suami dan isteri ia ini sebanyak 6% kejadian. Penikaman tidak berlaku dikalangan sahabat karib, penjenayah sex dan mangsaanya dan diantara penjahat dengan pihak polis.

Cara menembak pula banyak berlaku dikalangan mereka yang tidak pernah kenal antara satu sama lain juga antara penjahat dan pihak polis iaini 18% tiap-tiap satunya. Selain dari itu penembakan yang mengakibatkan kematian terjadi juga dikalangan suami isteri, kenalan biasa dan dikalangan musuh. Cara ini tidak terdapat dikalangan sex rival dan pembunuhan diantara penjenayah keatas kenalan baik kekasihnya. Pembunuhan dengan cara memukul pula sebahagian besarnya terjadi dikalangan sahabat karib dan kenalan biasa iaini 33% tiap-tiap satunya.

Selain dari itu dikalangan mereka yang tidak pernah kenal diantara satu sama lain pun berlaku cara memukul ini iaini sebanyak 14%. Dikalangan musuh pula hanya 9% dan dikalangan suami isteri 5% dimana cara memukul ini digunakan. Biasanya pembunuhan antara golongan keluarga melibatkan penggunaan cara lain dan ini menunjukkan peratus yang besar iaini 42%.

Mengikut hubungan antara tempat berlakunya pembunuhan dapat dilihat jenis hubungan yang ujud antara penjenayah dan mangsanya sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 25. Jika pembunuhan itu berlaku dirumah didapati hubungan interpersonal yang ujud merupakan hubungan yang rapat dan kuat dimana selalu nya merupakan hubungan keluarga dan kenalan yang baik atau kenalan rapat. Jadual menunjukkan bahawa pembunuhan yang berlaku dikalangan keluarga adalah lebih besar peratusnya (48%) berlaku dirumah berbanding dengan pembunuhan yang berlaku dikalangan keluarga yang berlaku ditempat-tempat lain iaini hanya 10% sahaja. Biasanya pembunuhan yang berlaku ditempat lain bukanlah merupakan jenis hubungan yang terlalu rapat dimana biasanya melibatkan kenalan biasa dan musuh.

(b) Tempat perburuan

Seperi yang didapati dalam jadual 27 didapati 70% daripada temat berlakunya perburuan adalah ditempat-tempat lain berbanding dengan kejadian yang berlaku dirumah. Baik

dalam kes VP maupun dalam kes Non-VP, kedua-duanya tidak

BAB 6

menunjukkan perbedaan yang jelas dari segi tempat kejadian

tersebut. Bagi kedua-dua kes sebahagian besarnya berlaku di-tempat-tempat lain. Bagi kes VP 67% kejadian berlaku di-

JENIS PEMBUNUHAN DILIHAT DARI SEGI METOD DAN TEMPAT

tempat-tempat lain. Bagi kes VP 67% kejadian berlaku di-

rumah dan Non-VP pula 71%. Dirumah pula 53% merupakan kes VP

(a) Cara pembunuhan

dan 29% kes Non-VP. Irdi mengatakan bahawa lebih banyak kes

VP berlaku di luar rumah dari kes Non-VP. Irdi adalah ker-

Dalam kedua-dua kes iaini VP dan Non-VP didapati cara

hubung dengan pembunuhan dilakukan keluarga yang berlakunya

menikam paling banyak digunakan. Dalam kes VP didapati 38%

menikam sementara dalam kes Non-VP sebanyak

43%, jadi cara ini lebih kerap digunakan dalam kes Non-VP.

Menikam paling banyak digunakan dalam kes Non-VP(29%) dari kes

ianya lebih banyak digunakan dalam kes Non-VP(29%) dari kes

VP(25%). Ini dapat dilihat dalam Jadual 26. Dalam kes VP

didapati cara ini adalah sama banyak digunakan dengan cara

menembak pula dalam kes Non-VP pula cara ini adalah 3 kali

lebih besar ianya 29% dan 11%. Menembak pula banyak

digunakan dalam pembunuhan jenis Non-VP(16%) dari kes VP(12%).

Cara-cara lain pula lebih banyak didapati dalam kes VP(25%)

dari kes Non-VP(11%).

(b) Tempat pembunuhan

Seperti yang didapati dalam Jadual 27 didapati 70%

daripada tempat berlakunya pembunuhan adalah ditempat-tempat

lain berbanding dengan kejadian yang berlaku dirumah. Baik

dalam kes VP maupun dalam kes Non-VP, kedua-duanya tidak menunjukkan perbedaan yang jelas dari segi tempat kejadian tersebut. Bagi kedua-dua kes sebahagian besarnya berlaku di-tempat-tempat lain. Bagi kes VP 67% kejadian berlaku diluar rumah dan Non-VP pula 71%. Dirumah pula 33% merupakan kes VP dan 29% kes Non-VP. Ini menyatakan bahawa lebih banyak kes VP berlaku didalam rumah dari kes Non-VP, ini adalah berhubung dengan pembunuhan dikalangan keluarga yang seringnya pertengkaran bermula didalam rumah sendiri.

Apabila dilihat dari segi metod dan tempat pembunuhan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 28 didapati bahawa bagi semua cara yang digunakan lebih dari separoh adalah berlaku ditempat-tempat lain berbanding dengan pembunuhan yang berlaku dirumah. Didapati cara menikam dan memukul banyak berlaku dirumah iaini lebih 30% berbanding dengan cara-cara lain yang berlaku dirumah. Manakala cara menembak dan lain-lain cara adalah lebih 80% berlaku ditempat-tempat lain.

rogeneous population, diff BAB 7 in ideas and attitudes toward the use of violence...¹ Bagi mengetahui tindakan jenayah khas INTERPRETASI DARI POLA PEMBUNUHAN DINERGI JOHOR

diteliti dari penerangan yang bercorak theoretical sedemikian

² Soho Apa yang jelas dari kajian mengenai pola pembunuhan dinegeri Johor ialah terdapatnya perbedaan yang ketara dari segi kadar pembunuhan diantara satu ras dengan satu ras yang lain. Iaini sebahagian besarnya adalah berlaku dikalangan kaum China, kebanyakannya melibatkan orang lelaki, dan pembunuhan paling banyak berlaku dikalangan Intra-racial atau sesama ras. Ini adalah memberikan satu gambaran bahawa pola ini hanya boleh difaham bila dilihat dari konteks satu budaya dari mana bentuk kekerasan itu timbul.

³ Sebagai satu latar belakang, secara rengkas, adapun masyarakat disini merupakan masyarakat berbilang bangsa yang terdiri dari orang Melayu yang terbesar bilangannya, orang China yang kedua banyaknya, kemudian India dan lain-lain. Bagi tiap-tiap satu bangsa ini mewakili corak kobudayaan dan kepercayaan ugama yang tersendiri dan masing-masing hidup mengikut sorak hidup budaya mereka masing-masing walaupun telah ada sedikit sebanyak asimilasi antara satu budaya dengan budaya yang lain. Dan diperlukan tiap-tiap kaum yang berbeda dari segi budaya ini mempunyai sistem nilai yang berbeda diantara satu sama lain, sebagaimana kata Wolfgang dan Ferracuti iaini "It appears valid to suggest that there are, in a hetero-

rogeneous population, differences in ideas and attitudes toward the use of violence..."¹ Bagi memahami tindakan jenayah khasnya pembunuhan yang berlaku disini bolihlah dilihat atau diteliti dari penerangan yang bercorak theoretical iaitu 'Subculture of Violence' yang dikemukakan oleh Wolfgang dan Ferracuti. Bagi kedua sajana ini pembunuhan adalah menjadi satu perkara biasa apabila faktor saikologi dan sosiologi dipadukan. Dari sudut sosiologi penerangan mereka adalah berdasarkan teori tentang budaya, sistem sosial dan personaliti, 'culture conflict', 'differential association', dan sistem nilai. Dari sudut saikologi pula adalah berdasarkan teori tentang pembelajaran(learning), 'conditioning', 'developmental socialization' dan 'differential identification'.² Dengan lain perkataan mereka cuba memahami soal pembunuhan itu berdasarkan dari sudut sosiologi dan saikologi.

Mengikut mereka pembunuhan atau 'homicide' itu biasanya terdapat di kalangan 'homogeneous subcultural group' baik di kalangan masyarakat bandar maupun luar bandar. Sistem nilai kelompok ini membentuk satu 'subculture of violence'. Pandangan dari sudut saikologi menunjukkan bahawa apabila lebih besar atau lebih kerap integrasi sesorang individu itu dalam subculture ini maka kemungkinan besar bagi perlakuananya akan membentuk satu perlakuan yang ganas atau violent dalam beberapa macam situasi. Dari sudut sosiologi pula, mestilah ada hubungan langsung antara kadar pembunuhan dengan keadaan dimana

'subculture of violence' itu mewakili satu kumpulan nilai yang berhubung dengan keganasan.

Bagi masyarakat disini, iaitu masyarakat China, Melayu dan India didapati akan memberikan pernyataan, sikap dan interpretasi yang berbeda terhadap satu-satu perkara dalam satu-satu keadaan. Ini adalah berhubung dengan perlakuan yang diharapkan(expected behavior) keatas mereka sebagai anggota bagi satu kumpulan masyarakat dan sudah tentu ujud perbedaan pola perlakuan yang diharapkan keatas masyarakat antara satu budaya dengan budaya lain. Misalnya antara masyarakat Melayu dan China adalah mempunyai sikap yang berbeda terhadap satu-satu tindakan yang ganas. Adapun sifat ganas atau violence itu bukanlah tumbuh sekemang-wenangnya. Ia adalah merupakan satu 'cultural expression'. Misalnya perkelahian dengan menggunakan tenaga fizikal itu adalah sebagai satu ukuran bagi menunjukkan keberanian atau untuk menjaga nama baik atau kedudukan sesorang itu. Jadi apabila tiap-tiap anggota(yang mengamalkan budaya yang sama) bersikap demikian dan mempunyai reaksi yang sama dalam satu-satu keadaan persengketaan, maka tindakan yang ganas yang kelak berakhir dengan pembunuhan adalah dijangka dan menjadi satu perkara biasa sahaja dikalangan masyarakat yang mengamalkan sikap demikian.

Sebagai contoh disini, didapati lebih 80% pembunuhan adalah berlaku dikalangan Intra-racial dan dari kelompok ini hampir 56% adalah berlaku dimana orang China membunuh bangsanya

sendiri. Dari segi hubungan interpersonal pula jenis hubungan yang ujud dikalangan mereka sebahagian besarnya adalah di-kalangan kenalan biasa dan musuh dan kebanyakannya diantara lelaki dan lelaki. Apa yang boleh dianggarkan ialah memang ujud satu 'subculture of violence' dikalangan masyarakat China dinegeri ini. Dari kes bunuh yang didapati dari kajian memper-lihatkan ujudnya kumpulan kongsi gelap dalam kebanyakan jenis pembunuhan yang terdapat dikalangan masyarakat China ini.

Adapun kumpulan kongsi gelap yang ujud dikalangan ma-syarakat China ini adalah terbit pada mulanya berdasarkan kepada hubungan kekerabatan atau clan dan kumpulan ini di-tubuhkan berdasarkan fungsinya yang praktikal. Bagi tiap-tiap kumpulan biasanya mempunyai ketua masing-masing dan pengikut-nya yang tersendiri dan keselamatan ahli-ahli bagi tiap-tiap kumpulan ini adalah terjamin oleh kumpulannya. Jadi jika ber-laku sebarang pergeseran atau pergaduhan dan jika berlaku sebarang kecederaan keatas ahli kepada kumpulan kongsi gelap X dan dilakukan oleh pihak kongsi gelap Y maka tindakan mom-balas dendam ini akan dilakukan keatas ahli kumpulan Y. Oleh itu demi menjaga keselamatan nama kumpulan inilah biasanya mengakibatkan banyak pembunuhan berlaku. Marshall Clinard dan Daniel J. Abbot yang mengkaji tentang jenayah dalam negara-negara membangun menyatakan bahawa kumpulan kongsi gelap ini menunjukkan satu sifat yang unik dinegara ini(Malaysia). Bukan sahaja pembunuhan dilakukan, tapi jenayah-jenayah lain seperti

rompakan, menculik untuk mendapatkan wang tebusan dan banyak lagi kegiatan mengancam dan memeras dilakukan lapuran Kerajaan Malaysia dalam kongress Bangsa-bangsa Bersatu tentan Pencegahan Jenayah dan Layanan keatas Penjéhayah diJepun pada tahun 1970 yang dipetik oleh Clinard dan Abbot bahawa ahli kongsi gelap itu sekarang bukan sahaja terdiri dari masyarakat China semata-mata tapi termasok juga orang-orang Melayu dan India. Dalam tahun 1969 polis melapurkan bahawa terdapat 226 kumpulan kongsi gelap yang aktif yang mana ahli-ahli nya berjumlah lebih kurang 12,000 orang. Kebanyakan dari jenis jenayah-jenayah yang besar adalah dilakukan oleh kumpulan ini.³

Selain dari sikap yang berbeda yang ujud dalam budaya yang heterogeneous didapati dikalangan lelaki dan perempuan juga ujud sikap ini iaini sikap yang berbeda terhadap satu-satu tindakan kekerasan. Sifat aggressif ini adalah biasanya kedapatan dikalangan orang lelaki dan ini adalah bertentangan kepada orang perempuan kerana kerana diharapkan berkelakuan lemah lembut. Sikap lemah lembut ini adalah berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Henry dan Short dalam buku mereka 'Homicide and Suicide' bahawa faktor ini adalah berkaitan dengan faktor saikologi yang timbul dari pergantongan anak-anak baik lelaki atau perempuan biasanya terhadap ibunya pada masa kecil nya.⁴ Ini adalah juga kerana peranan yang diharapkan yang diharapkan patut dimainkan oleh sex yang berlainan. Orang lelaki biasanya diharapkan menjaga nama baik keluarganya, menjaga

kesucian kaum keluarga perempuannya dan perlu menjaga kedudukannya, dan biasanya ia akan bertindak jika sebarang kenyataan yang buruk mengenai dirinya seperti mengenai bangsanya (walaupun datang dari bangsanya sendiri), umurnya dan sifat kejantannya, jika ditujukan keatas dirinya maka ia dijangka akan cepat bertindak keatas mereka yang mengeluarkan kenyataan itu.

Walaupun bagaimana pun mengikut Wolfgang dan Ferracuti lagi bahawa perlakuan yang kasar adalah lebih bergantong kepada perbedaan dari segi budaya dari perbedaan dari segi sex. Dan perbedaan budaya ini dianggap paling penting dalam melahirkan sikap yang aggressif itu.

Ujudnya sikap yang kekerasan dikalangan budaya yang berbeda ini bolih juga diterangkan dengan menggunakan pendekatan sosiologi berdasarkan tiori 'differential association' yang dikemukakan oleh Sutherland dan kalau dalam saikologi bolih disamakan dengan tiori pembelajaran atau 'learning'. Iaini didapati lebih rapat atau lebih kerap integrasi sesorang individu itu dengan subculture yang ujud, maka lebih dalamlah meresapnya nilai subculture itu kedalam perlakuannya, keatas norma kelakuannya dan ini dipadukannya kedalam personalitinya.

Dari subculture of violence yang ujud dalam satu-satu budaya itu patut diukur dengan teknik socio-psychological. Sebagai satu tiori subculture maka tiori bagi penggunaan kekerasan samada antara hubungan interpersonal iaini antara seorang dengan seorang atau interaksi klompok adalah biasanya

mencerminkan satu dari nilai yang asas yang sebahagiannya terpisah dari budaya yang dominant atau parentak culture. Mengikut hipotesis bahawa sikap ganas ini adalah merupakan sebahagian dari sistem norma subculture dan sistem ini dicerminkan dalam sifat berbentuk psychological yang terdapat dari pendokong subculture tersebut.

perhubungan
Ada beberapa propososi mengenai ciri-ciri subculture of violence itu iaini:

Jawab (1) Tiada satu pun subculture yang sama sekali berbeda dan berkonflik dengan masyarakat dimana ia merupakan sebahagian darinya. Ini ada kebenarannya iaini subculture of violence bukanlah semata-mata merupakan sikap yang berbentuk keganasan sahaja, mesti ada satu unsur nilai yang saling berhubung dan serupa dengan budaya yang lebih besar. Dari segi masyarakat dinegeri ini bolih dilihat bahawa tiap-tiap budaya umumnya tiap-tiap bangsa mempunyai ciri yang tertentu dalam hal tindakan kejam dan ganas. Ini bolih dilihat dari jenis hubungan orang tua dan anaknya, disiplin dan tata-tertib yang ditentukan oleh orang tua(ibu bapa), pergaduhan dalam rumah tangga, pembunuhan dan berbagai lagi jenis hubungan yang mengakibatkan berlakunya kekerasan. Didapati sikap ganas ini ujud dalam mana-mana budaya seperti mana yang didokong oleh masyarakat China, Melayu dan India. Tiap-tiap masyarakat ini ada menunjukkan sikap ini tapi dalam situasi yang berbeda. Bagi masyarakat Melayu misalnya akan bertindak dengan segera jika satu-satu perlakuan itu

melanggar norma-norma ugamanya atau adat dalam budayanya.

Sedangkan bagi masyarakat China bertindak keatas sebab-sebab lain. Misalnya ada satu kes yang terjadi dikalangan keluarga Melayu iaini pembunuhan seorang bapa keatas anak perempuannya. Iaini seorang ayah yang wara' didapati telah membunuh anak dara nya apabila diketahui yang anaknya itu telah membuat perhubungan dengan seorang pemuda diluar pengetahuannya. Ini adalah merupakan satu reaksi seorang bapa yang bertanggong jawab keatas nama baik kaum keluarganya dan mungkin ia yang patoř kepada pengajaran ugama Islam menganggap perbuatan anak nya itu memalukan dan terkutuk lalu ia mengambil tindakan membunuh anak nya itu.

Jadi rasionaliti dari tindakan kejam yang berakhir dengan pembunuhan itu memang bolih diterima olih semua golongan masyarakat yang berbeda, tapi olih kerana biasanya bagi tiap-tiap budaya itu memberi reaksi pada masa dan situasi yang berlainan menyebabkan perlakuan mengikut landasan itu dipandang sebagai subculture iaini ia masih merupakan sebahagian dari budaya yang besar walaupun ia tetap terpisah sebahagiannya dari budaya yang dominant itu.

(2) Bagi menentukan ujudnya satu subculture of violence tidaklah semesti pendokongnya itu akan menunjukkan sikap yang ganas itu dalam semua situasi. Jika keadaan dimana perlakuan ganas itu berlaku sepanjang masa, maka adalah mustahil bagi tiap-tiap masyarakat itu bolih terus hidup.

Sebagaimana masyarakat disini, didapati walaupun tiap-tiap anggota masyarakat misalnya Melayu, China dan India menunjukkan sikap yang ganas dalam situasi yang berbeda, tapi masyarakat berbilang bangsa ini bolih terus hidup.

(3) Adapun kesediaan bertindak dengan cara yang ganas dalam berbagai situasi menunjukkan sifat yang memang telah terserap kedalam subculture tersebut oleh pendokongnya.

Misalnya penggunaan tindakan yang keras oleh masyarakat Melayu sebahagian besarnya adalah berhubung sebahagian besarnya dengan soal-soal kekeluargaan dan selalunya tindakan ini adalah semata mata merupakan tindakan individu dan bukannya dilancarkan mengikut apa yang diharapkan oleh satu-satu pertubuhan atau kumpulan. Ini juga ujud dikalangan orang India. Tapi bagi masyarakat China tindakan begini biasanya adalah berhubung dengan kehendak kelompoknya, misalnya bagi mereka yang menjadi ahli kongsi gelap - mereka ini mesti mempunyai sifat atau perlakuan sebagaimana yang dikehendaki oleh kelompoknya.

Jadi kesediaan bertindak secara kekerasan keatas orang Melayu dan India biasanya lebih kerap terhadap kaum keluarganya dan orang yang rapat dengan nya sahaja, manakala bagi orang China berbeda sedikit kerana orang yang mereka bunuh biasanya tidak tidak mempunyai ikatan keluarga dan persahabatan yang rapat dengan mereka. Dan sikap ini adalah terserap dalam diri individu tiap-tiap bangsa itu.

(4) Ethos subculture of violence itu mungkin dimiliki

bersama oleh semua golongan umur dalam satu sub-society, tapi
ethos ini adalah lebih jelas dalam satu golongan umur tertentu
biasanya dari golongan remaja hingga umur pertengahan. Kita
tidak boleh katakan bahawa hanya dikalangan masyarakat China
dari golongan umur tertentu dan sex tertentu sahaja yang mem-
punyai pendirian yang sama dalam penggunaan kekerasan ini,
tapi ini berlaku juga dalam apa masyarakat sekalipun. Kita boleh
mengandaikan kepada masyarakat China ini kerana berdasarkan
frequency pembunuhan yang berlaku dalam masyarakatnya
yang lebih besar dari masyarakat lain.

(5) Berlawanan dengan norma subculture of violence ini
ialah non-violence. Biasanya perlakuan atau reaksi ganas
dalam satu-satu masyarakat itu adalah merupakan perlakuan
yang diharapkan. Sekitanya norma ini tidak dipatuhi biasanya
mereka akan disisih dari masyarakat atau kumpulan mereka. Ini
adalah selari dengan kenyataan mengapa masyarakat China mema-
suki kumpulan kongsi gelap itu, demi menjaga keselamatannya,
keluarga dan kaum kerabatnya - bagi meneruskan hidup mereka
tanpa gangguan dari mana-mana pihak. Dan kumpulan ini akan
terus hidup selagi ianya mempunyai fungsi demikian, yang ber-
tujuan meneruskan struktur sosial dalam masyarakat mereka.

(6) Perkembangan dari segi sikap dan kelakuan yang ber-
bentuk kekerasan dalam subculture ini biasanya melibatkan per-
lakuan yang dipelajari dalam proses 'differential learning',
'association', atau 'identification'. Adapun sikap aggressif

itu adalah dipelajari oleh penjenayah dan sikap ini adalah diterima oleh kelompoknya. Adapun 'aggression' menurut pandangan saikologi seperti yang definisikan menurut Wolfgang ialah 'the delivery of noxious stimuli in an interpersonal context'. Sikap ini menghasilkan dua perkara, iaitu kesakitan dan kecederaan keatas mangsa dan ganjaran bercorak extrinsik dari perlakuan tersebut. Kedua-dua ini adalah ujud dalam subculture of violence. Sikap ini ujud dalam personaliti seseorang individu hasil dari sosialisasi dalam kumpulan mana ia rapat dan kerap herada.

(7) Penggunaan kekerasan dalam satu-satu subculture itu tidak semestinya dilihat sebagai perlakuan yang bertentangan dengan undang-undang (illicit conduct) dan pendokongnya tidak semestinya mempunyai perasaan bersalah terhadap tindakan gamarnya. Adapun kekerasan ini boleh merupakan sebahagian dari cara hidup, dalam satu-satu budaya itu khasnya dalam tujuan untuk menyelesaikan satu-satu masalah yang rumit diselesaikan. Pendokong sikap ini biasanya tidak merasa bersalah kerana mereka biasanya tidak menyerang orang-orang dari non-violent culture. Misalnya tidak banyak kejadian dimana orang China membunuh orang Melayu atau India - mereka biasanya lebih banyak membunuh bangsanya sendiri yang dianggapnya mendokong cara hidup yang sama dengannya.

Walau bagaimana pun mengikut Wolfgang dan Ferracuti tiada satu teori pun yang boleh menerangkan tentang berbagai

jenis perlakuan yang ganas. Tapi pendekatan saikologi dan sosiologi yang disatukan dalam apa yang dinamakan mereka sebagai subculture of violence adalah bolih membantu dalam memahami dan menerangkan tentang keganasan yang ujud dalam kumpulan sosio-ekonomi yang tertentu dan kawasan persekitaran atau ecological areas tertentu. Jadi dalam memahami pembunuhan baik dari jenis VP maupun Non-VP bolih dilihat dari pendekatan subculture of violence ini.

Bagi kes VP seperti yang didapati dari kajian dinegeri ini menunjukkan bahawa sebahagian besarnya (lebih 80%) adalah berlaku di kalangan Intra-racial, kebanyakannya di kalangan orang China (50%), Melayu sebanyak 20% dan India 20% juga. Juga sebahagian besar yang menjadi mangsa dalam kes ini ialah pihak lelaki iaitu lebih ramai yang menjadi mangsa dalam kes ini dari kes Non-VP. Sebaliknya bagi orang perempuan pula lebih banyak yang menjadi mangsa dalam kes Non-VP dari kes VP. Dari segi hubungan interpersonal antara mangsa dan penjenayah pula biasanya kejadian ini sering berlaku akibat dari pertengkaran dalam rumah tangga dan biasanya mangsa dan penjenayah itu mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain. Lelaki biasanya lebih ramai menjadi mangsa dalam kes ini kerana mereka dianggap lebih aggressif dipangang dari segi sex dan peranan mereka dan biasanya yang memulakan provokasi yang menyebabkan lawannya yang selalunya perempuan mudah bertindak bagi melindungi dirinya dalam satu-satu pertengkaran atau pergaduhan. Ini ada-

nya dan mengancamnya. Dalam satu perkelahian apabila suaminya memulas kakinya dan melemparnya dari satu kerusi kesatu derusi menyebabkan ia tersangat marah dan menyambar sebilah pisau dan melukai lengan suaminya supaya suaminya itu memberhentikan perbuatannya itu. Tapi ini menjadikan suaminya itu lebih galak dan tersangat marah lalu menerkamnya, lalu ia secara tidak sengaja telah menikam suaminya itu. Dalam hal ini didapati Wignall tidak bersalah.

Dalam kes ini didapati provokasi adalah dimulakan oleh orang yang lebih kuat keatas orang yang lemah dan kes seperti ini biasa berlaku. Ada juga satu pola dimana pihak yang lemah yang memulakan provokasi keatas pihak yang kuat, dengan anggapan dari pihak yang lemah bahawa ia akan dibantu oleh orang lain dalam mengawal pihak yang lebih kuat apabila sebarang tindakan keras dilakukan keatasnya. Biasanya kalau pihak yang lemah itu mati maka pihak yang membunuh itu akan tetap dianggap bersalah dan dijatohkan hukuman keatasnya.

Mengikut Dennis Chapman juga satu hipotesis yang bolih diterima atas perkelahian dalam rumah tangga, ialah dimana mangsa(pihak yang lemah) dalam satu konflik telah menyakitkan hati orang lain hingga membawa kepada pembunuhan sebagai akibat keatas perlakuannya itu. Dalam hal ini biasanya pembunuhan itu dibicarakan, didapati bersalah dan dihukum. Dan hukuman ini samada penjara seumur hidup dan hukum gantong keatas pembunuhan itu adalah merupakan satu kemenangan bagi pihak yang

lemah tadi. Kejadian ini samalah dengan bunuh diri. Bunuh diri dan cubaan membunuh diri, merupakan jenayah yang berdasarkan alternative atau cara lain dalam mana mangsa dan penjenayah itu adalah merupakan orang yang sama, dan tujuannya mengikut tiori psycho-analytic ialah untuk menimbulkan perhatian tentang satu keadaan atau untuk membentuk satu situasi dimana orang lain lah yang patut dituduh atau dihukum. Dalam kes dimana pihak yang kuat membunuh yang lemah dinegeri ini banyak terdapat dikalangan orang Melayu iaini 50% dari kes VP ialah dimana lelaki membunuh perempuan dan 50% lagi ialah kes dimana perempuan membunuh lelaki.

Disamping kejadian dimana biasanya hanya antara mereka yang rapat sahaja hubungan yang terlibat dalam kes VP, tapi kes seperti ini juga terdapat dikalangan mereka yang tidak pernah kenal antara satu sama lain. Juga kes seperti ini biasa terdapat dalam kes Non-VP. Mengikut seorang saintis yang mengkaji kejadian pembunuhan diUganda bahawa manusia biasanya tidak akan membunuh mereka yang tidak dikenalinya melainkan dalam kejadian rompakan dan berbagai lagi jenayah dimana motif utama adalah untuk mendapatkan sesuatu yang berharga. Kalau mengikut Toro-Calder yang mengkaji jenayah diPuerto Rico sebagaimana yang dipetik oleh Clinard dan Abbot berpendapat bahawa jenayah yang kejam dinegara membangun biasanya melibatkan penjenayah yang terdiri dari pemuda dalam lingkongan umur dua puluhan. Sebahagian besar dari mereka terdiri dari pekerja

bukan mahir yang datang dari kelas rendah dan kemungkinan besar datang dari kelas rendah dan mempunyai latar belakang luar bandar. Ini adalah benar bagi masyarakat disini terutama dalam kes dimana pembunuhan itu dilakukan akibat dari tujuan merompak. Misalnya dalam satu kes Non-VP dimana seorang pemuda Melayu telah merompak seorang tauke China dalam perjalanannya dengan sebuah teksi. Setelah mendapat apa yang dikehendakinya ia telah membunuh tauke tersebut demi untuk mengelakkan dirinya dari ditangkap kemudiannya apabila dapat dikesan kelak. Pembunuhan jenis ini boleh dianggap sebagai 'profit killing' dan 'elimination killing'. Kejadian seperti ini juga banyak terdapat dikalangan masyarakat China. Juga kes seperti ini terdapat dalam kes VP misalnya dalam satu kejadian pembunuhan disini dimana seorang pemuda telah menaiki sebuah teksi dan memberhentikannya di sebuah jalan yang sunyi dan meminta pemandu teksi itu keluarkan apa sahaja barang yang berharga yang ada padanya pada ketika itu. Disini pemandu itu telah melawan dan enggan berbuat apa yang dikehendaki oleh pemuda itu lalu ianya ditembak, walaupun pemuda itu pada mulanya tidak ada tujuan untuk membunuhnya. Didapati penjenayah dalam soal ini tidak mengira siapa sahaja untuk merompak asalkan mangsa itu tidak dikenalinya sebelum kejadian itu dan tidak memilih mangsanya asalkan mangsa itu boleh memberikannya sebarang barang yang berharga walaupun sedikit wang. Ini menunjukkan yang penjenayah itu datang dari kelas rendah

dan kemungkinan besar menganggor.

Mengikut Stewart Palmer yang mongkaji tentang masyarakat penjara diNew England menyatakan bahawa pengalaman yang tidak menyenangkan(frustrating) keatas diri penjenayah terutama dalam hubungannya dengan ibu bapa atau kaum keluarganya adalah mempengarohi kegiatannya yang ganas. Pendapatnya itu telah menyokong hipotesisnya iaini terdapat hubungan yang significant, positif dan functional antara banyaknya pengalaman pahit yang dialami oleh individu itu dalam masa ia masih sebagai seorang bayi, kanak-kanak dan semasa remaja dan pengalaman-pengalaman ini kelak membawa dia kearah jenayah seperti membunuh itu.⁶

Juga setengah sarjana seperti Bloch dan Gilbert menyatakan bahawa pembunuhan yang disengajakan oleh penjenayah itu mengikut dari konsepsi dari penjenayah itu sendiri iaini biasanya orang yang dihunuhnya itu menghalangnya daripada mencapai hasrat dan cita-citanya. Ini merupakan pembunuhan yang bisaanya melibatkan orang yang pernah bersahabat pada satu masa dulu iaini merupakan hubungan antara jiran, kawan sekerja, kenalan biasa dan lain-lain. Biasanya pergeseran telah timbul dalam jangka masa yang lama juga dan timbul dari perasaan dendam mendalam antara satu sama lain. Pembunuhan antara kawan ini banyak terdapat dikalangan orang India yang banyak didapati dari kajian. Dan selalunya jenis pembunuhan ini terdapat dikalangan sesama ras dan sesama sex.

Situasi yang selalunya menyebabkan timbulnya pembunuhan seperti yang terdapat di negeri ini adalah perkara yang berkaitan dengan perkelahian antara puak-puak atau kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang terdapat kebanyakannya dikalangan orang China, yang selalunya berkaitan dengan pergaduhan biasa, soal kewangan, pergaduhan semasa berjudi, pergaduhan dalam rumah tangga, provokasi oleh mangsa, pergeseran oleh soal pembahagian tanah, harta pusaka dan soal penjualan tanah, akibat dari tujuan merompak, pergaduhan yang telah lama terpendam, pembunuhan oleh sebab kerosakan mental atau kehilangan akal dan ada juga jenis pembunuhan yang tidak disengajakan iaitu sesaorang itu telah tersalah membunuh.

Pada keseluruhannya mengikut pendapat Clinard dan Abbot bahawa kadar pembunuhan di dunia adalah bolih diinterpretasikan dari segi 'culture conflict' sebagai akibat dari perubahan sosial dan perbedaan sikap dari segi budaya ke atas penggunaan kekerasan.⁷ Dan pendapat ini bolih disesuaikan bagi masyarakat dinegeri ini.

PENUTUP

BAB 2 Akhirnya perlulah dinyatakan disini bahawa kajian ini bukanlah merupakan satu kajian yang lengkap, masih banyak lagi kekurangan dan persoalan yang perlu ditokok tambah dan diperbaiki lagi. Ini adalah kerana kelemahan dari segi pengkaji sendiri terutama dalam usaha mengumpulkan data dan beberapa kelemahan lain. Bagi pengkaji-pengkaji yang akan datang bolih menjalankan lagi kajian yang berkisar atas tajuk yang saya lakukan ini dan ini bolih menambahkan persoalan yang tidak saya mengemukakannya dan menambah segala kekurangan yang ada.

Maxwell, 1964. Ia mengesahkan juga jenis homicide iaitu:

(1) Felonious *****

or (a) Death caused by an act done with intention of causing bodily harm, or known to be likely to cause death or bodily harm, without legal justification or excuse; or (b) Death caused by an omission, amounting to culpable negligence, to discharge a duty tending to the preservation of life, whether accompanied by intention to cause death or bodily harm or not; or (c) Death to the society, mankind.

(2) Excusable Homicide

or (d) Where a person by whom the homicide is committed not criminally responsible. It is either by inadvertence, or in the self defence to a non-felonious attack where further retreat is impossible, or with regard to the law of

CATETAN

BAB 2

1. Micheal and Adler, "Crime, Law and Social Science" diperiklik oleh Thorsten Sellin dalam Culture Conflict and Crime,
2. Jack P. Gibbs, "Crime and the Sociology of Law", Sociology and Social Research, Jilid 51, 1966-67.
3. P.G.Osborn, A Concise Law Dictionary, London, Sweet and Maxwell, 1964. Ia mengemukakan tiga jenis homicide iaini:
 - (1) Felonious Homicide
(a) Death caused by an act done with intention of causing bodily harm, or known to be likely to cause death or bodily harm, without legal justification or excuse;
 - (b) Death caused by an omission, amounting to culpable negligence, to discharge a duty tending to the preservation of life, whether accompanied by intention to cause death or bodily harm or not;
 - (2) Excusable Homicide
Where a person by whom the homicide is committed is not criminally responsible. It is either by misadventure, or in the self defence to a non-felonious attack where further retreat is impossible.

furtherance. The killing does not amount to murder where homicide is committed without blame, in the execution of a legal duty, or in furtherance of a legal purpose; for example, putting a person to death in pursuance of a legal sentence. (Homicide Act, 1957, s.1(1))

Ibid., n.s. Ita membahagikan dua jenis murder iaitu:

(1) Capital Murder

(a) Murder done in the course or furtherance of theft;

(b) Murder by shooting or causing an explosion;

(c) Murder done in the course of or for the purpose of resisting or avoiding or preventing a lawful arrest, or of effecting or assisting an escape or rescue from legal custody;

(d) Murder of a police officer acting in the execution of his duty, or of a person assisting a police officer so acting;

(e) In the case of a person who was a prisoner at the time when he did, or was a party to, the murder, any murder of a prison officer acting in the execution of his duty, or of a person assisting a prison officer so acting.

(Homicide Act, 1957, s.5) It is punishable by death.

(2) Non-Capital Murder

Where a person kills another in the course or

furtherance of some other offence. The killing does not amount to murder unless done with the same malice aforethought (express or implies) as required for a killing to amount to murder when not done in the course or furtherance of another offence. (Homicide Act, 1957, s.1(1)).

5. William F. Kessler, M.D & Paul B. Weston, The Detection of Murder, New York, Arco Publishing Company, Inc. m.s.87. Sons, New York, London, Sydney, Toronto. 1975. m.s.235.
6. Ibid., m.s.99.
7. Andrew F. Henry and James F. Short, Jr. Suicide and Homicide. Op.cit., m.s.102
8. Herbert A. Bloch & Gilbert Geis, Man, Crime and Society, Random House, New York, 2nd. ed. 1962.
5. Dennis Chapman, Sociology and the Stereotypes of the Criminal.
9. Wolfgang, M. E. "Victim Precipitated Criminal Homicide", dalam M. E. Wolfgang, L. Savitz and N. Johnson: The Sociology of Crime and Delinquency. 2nd. ed. New York, London, Sydney, Toronto. John Wiley & Sons, Inc. m.s. 570. Sons, Crime and Society, Random House, New York, 2nd. ed. 1962. m.s.235.

BAB 7

7. Marshall B. Clinard and Daniel J. Abbot, Crime in Development.
1. Wolfgang M. E. and Ferracuti, Franco, "The Subculture of Violence", dalam M. E. Wolfgang, L. Savitz and N. Johnson:

The Sociology of Crime and Delinquency, 2nd. ed. New York,
London, Sydney, Toronto. John Wiley & Sons, Inc. m.s.382.

2. Herbert A. Bloch and Gilbert Geis, Man, Crime and Society,
Random House, New York, 2nd. ed. 1962. m.s.233.

3. Marshall B. Clinard and Daniel J. Abbot, Crime in Developing Countries, A Comparative Perspective, John Wiley and Sons,
New York, London, Sydney, Toronto. 1973. m.s.201.

4. Andrew F. Henry and James F. Short, Jr. Suicide and Homicide,
Some Economic, Sociological and Psychological Aspects of
Aggression. The Free Press, New York, Collier, Mac Millan
Limited, London. m.s. 89.

5. Dennis Chapman, Sociology and the Stereotype of the Criminal, Tavistock Publications, London, New York, Sydney,
Toronto, Wellington. 1968. m.s.158.

6. Herbert A. Bloch and Gilbert Geis, Man, Crime and Society,
Random House, New York, 2nd. ed. 1962. ms.235.

7. Marshall B. Clinard and Daniel J. Abbot, Crime in Developing Countries, A Comparative Perspective, John Wiley and Sons,
New York, London, Sydney, Toronto. 1973. m.s.59.

JADUAL 1

BANGSA DAN SEX MANGSA DAN
HUBUNGAN-NYA DENGAN JENIS PEMBUNUHAN

BANGSA DAN SEX	JUMLAH		VP VP		NON-VP	
	bil.	%	bil.	%	bil.	%
MELAYU	14	18.7	4	16.7	10	19.6
-L	13	17.3	3	12.5	10	19.6
-P	1	1.3	1	4.2	0	0.0
CINA	45	60.0	14	58.3	31	60.8
-L	38	50.7	13	54.1	25	49.0
-P	7	9.3	1	4.2	6	11.8
INDIA	13	17.3	4	16.7	9	17.6
-L	9	12.0	3	12.5	6	11.7
-P	4	5.3	1	4.2	3	5.9
LAIN2	3	4.0	2	8.3	1	2.0
-L	2	2.7	1	4.15	1	2.0
-P	1	1.3	1	4.15	0	0.0
JUMLAH	75	100.0	24	100.0	51	100.0
-L	62	82.7	20	83.3	42	82.4
-P	13	17.3	4	16.7	9	17.6

* L - LELAKI

P - PEREMPUAN

JADUAL 2
KADAR MANGSA LELAKI DAN PEREMPUAN
BAGI TIAP-TIAP SATU BANGSA

BANGSA DAN SEX	JUMLAH		VP		NON - VP	
	bil.	%	bil.	%	bil.	%
MELAYU	14	100	4	100	10	100
-L	13	93	3	75	10	100
-P	1	7	1	25	0	0
CINA	45	100	14	100	31	100
-L	38	84	13	93	25	71
-P	7	16	1	7	6	19
INDIA	13	100	4	100	9	100
-L	9	69	3	75	6	67
-P	4	31	1	25	3	33
LAIN2	3	100	2	100	1	100
-L	2	67	1	50	1	100
-P	1	33	1	50	0	0
JUMLAH	75	100	24	100	51	100
-L	62	83	20	83	42	82
-P	13	17	4	16	9	18

* L - LELAKI

P - PEREMPUAN

JADUAL 3

MANGSA DARI SEGI BANGSA DAN CARA
MEREKA DI BUNUH

CARA PEMBUNUHAN	JUMLAH MANGSA		MELAYU		CHINA		INDIA		LAIN2	
	bil.	%	bil.	%	bil.	%	bil.	%	bil.	%
Di-Tikam	31	41.3	4	28.6	23	51.1	2	15.4	2	66.7
Di-Tembak	11	14.7	5	35.7	5	11.1	-	-	1	33.3
Di-Pukul	21	28.0	3	21.4	12	26.7	6	46.1	-	-
Lain-Lain	12	16.0	2	14.3	5	11.1	5	38.5	-	-
JUMLAH	75	100.0	14	100.0	45	100.0	13	100.0	3	100.0

JADUAL 4

SEX MANGSA DAN CARA MEREKA
DI BUNUH

CARA PEMBUNUHAN	JUMLAH MANGSA		LELAKI		PEREMPUAN	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Di-Tikam	31	41.3	28	45.2	3	23.1
Di-Tembak	11	14.7	10	16.1	1	7.7
Di-Pukul	21	28.0	18	29.0	3	23.1
Lain-Lain	12	16.0	6	9.7	6	46.1
JUMLAH	75	100.0	62	100.0	13	100.0

JADUAL 5

BANGSA MANGSA DAN TEMPAT MEREKA DIBUNUH

TEMPAT	JUMLAHNYA		MELAYU		CHINA		INDIA		LAIN2	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Di-Rumah	23	30.7	6	42.9	12	26.7	3	23.8	2	66.7
Lain2 Tempat	52	69.3	8	57.1	33	73.3	10	76.2	1	33.3
JUMLAH	75	100.0	14	100.0	45	100.0	13.	100.0	3	100.0

JADUAL 7

Hubungan Inter-personal	TEMPAT	Jumlah Mangsa		LELAKI		PEREMPUAN	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kenalan Rapat	Di-Rumah	12	16.0	23	2.2	6	6.1
Keluarga Suami/Isteri	Lain2 Tempat	5	6.7	52	1	-	-
Keluarga (Lain-lain)	JUMLAH	11	14.7	75	5.7	18	3.3
Kenalan Biasa		21	28.0	44	71.0	5	38.5
Orang Yang Tidak Dikenali		9	12.0	8	14.3	13	61.5
Sex Rival		2	21.7	13	24.2	-	-
Musuh		11	14.7	-	-	-	-
Kenalan Baik kpd. kekasih Penjenayah		2	2.7	-	-	-	-
Pegawai Polis		2	2.7	2	14.3	-	-
JUMLAH		75	100.0	14	100.0	45	100.0

JADUAL 7

BANGSA MANGSA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBUNUH

Hubungan Inter- personal	Jumlahnya		Melayu		China		India		Lain2	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kenalan Rapat	12	16.0	5	35.7	1	2.2	6	46.1	-	-
Keluarga (Suami/Isteri)	5	6.7	3	21.4	1	2.2	-	-	1	33.3
Keluarga (Lain-lain)	11	14.7	2	14.3	6	13.3	3	23.1	-	-
Kenalan Biasa	21	28.0	-	-	16	35.6	4	30.8	1	33.3
Orang Yang Tidak Dikenali	9	12.0	2	14.3	6	13.3	-	-	1	33.3
Sex Rival	2	21.7	-	-	2	4.4	-	-	-	-
Musuh	11	14.7	-	-	11	24.4	-	-	-	-
Kenalan Baik kpd. kekasih Penjenayah	2	2.7	-	-	2	4.4	-	-	-	-
Pegawai Polis	2	2.7	2	14.3	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	75	100.0	14	100.0	45	100.0	13	100.0	3	100.0

JADUAL 8

JADUAL 8
BANGSA DAN HUBUNGANNYA
DENGAN PEMBUNUH
HUBUNGANNYA DENGAN JENIS PEMBUNUHAN

Hubungan Inter- personal	JUMLAH MANGSA		LELAKI		PEREMPUAN	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kenalan Rapat	12	16.0	11	14.7	1	7.7
Keluarga (Suami/Isteri)	5	6.7	3	4.8	2	15.4
Keluarga (Lain-lain)	11	14.7	5	8.1	6	46.1
Kenalan Biasa	21	28.0	20	32.2	1	7.7
Orang yang Tidak di-kenali	9	12.0	9	14.5	-	-
Sex Rival	2	2.7	-	-	2	15.4
Musuh	11	14.7	10	16.1	1	7.7
Kenalan baik kekasih pen-jenayah	2	2.7	2	3.2	-	-
Pegawai Polis	2	2.7	2	3.2	-	-
JUMLAH	75	100.0	62	100.0	13	100.0

* L = LELAKI
P = PEREMPUAN

JADUAL 10

KADAR PENJENAYAH LELAKI DAN PEREMPUAN
DALAM PEMBUNUHAN BAGI TIAP-TIAP SATU BANGSA

BANGSA DAN SEX	JUMLAH		VP		NON-VP	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
MELAYU	19	100.0	4	100.0	15	100.0
-L	15	79.0	2	50.0	13	86.7
-P	14	21.0	2	50.0	2	13.3
CHINA	54	100.0	15	100.0	39	100.0
-L	53	98.2	14	93.4	39	100.0
-P	1	1.8	1	6.6	0	0.0
INDIA	17	100.0	7	100.0	10	100.0
-L	16	94.2	6	85.6	10	100.0
-P	1	5.8	1	14.4	0	0.0
LAIN2	2	100.0	2	100.0	0	0
-L	2	100.0	2	100.0	0	0
-P	0	0.0	0	0.0	0	0
JUMLAH	92	100.0	29	100.0	63	100.0
-L	86	93.5	25	86.0	61	97.0
-P	6	6.5	4	14.0	2	3.0

JADUAL 11

JADUAL 11

BANGSA PENJENAYAH DAN CARA MEREKA
LAKUKAN PEMBUAHAN

CARA MEMBUAH	JUMLAH		MELAYU		INDIA		CARA MEMBUAH		INDIA		LATIN2	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
MENIKAM	40	43.5	6	31.6	31	57.4	2	11.8	1	50.0		
MENEMBAK	9	9.8	5	26.3	2	3.7	1	5.9	1	50.0		
MEMUKUL	31	33.7	4	21.0	18	33.3	9	52.9	-	-		
LAIN-LAIN	12	13.0	4	21.0	3	5.6	5	29.9	-	-		
JUMLAH	92	100.0	19	100.0	54	100.0	17	100.0	2	100.0		
											LELAKI	PEREMPUAN
											BIL.	%
											37	43.0
											9	10.8
											28	32.3
											19	14.0
											86	100.0
											6	100.0

JADUAL 13

BANGSA PENJENAYAH
DENGAN BANGSA
BANGSA PENJENAYAH DAN TEMPAT MEREKA
LAKUKAN PEMBUNUHAN

HURANGAN INDIVIDUAL	JUMLAH	MELAYU			CINA			INDIA			LATIN		
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
KELUARAN RUMAH (S)	22	23.9	8	42.1	10	18.5	3	59	17.6	1	50.0		
DI-RUMAH	70	76.1	11	57.9	44	81.5	14	59	82.4	1	50.0		
LAIN2 TEMPAT	92	100.0	19	100.0	54	100.0	17	100.0	100.0	2	100.0		
JUMLAH KELUARAN RUMAH													

JADUAL 14

SEX PENJENAYAH DAN TEMPAT MEREKA
LAKUKAN PEMBUNUHAN

KENALAN BAIK KPD. PEGASIH PENJENAYAH	TEMPAT PEMBUNUHAN	JUMLAH			LELAKI			PEREMPUAN	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
PEGAWAI POLIS	22	76.1	17	19.8	5	83.3			
DI-RUMAH	100	100.0	54	100.0	17	100.0			
LAIN2 TEMPAT	70	23.9	69	80.2	1	16.7			
JUMLAH	92	100.0	86	100.0	6	100.0			

JADUAL 15

BANGSA PENJENAYAH DAN HUBUNGANNYA
DENGAN MANGSA

HUBUNGAN INTERPERSONAL	JUMLAH		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	SEX PENJENAYAH DENGAN MANGSA
	Bil.	%					
KENALAN RAPAT	11	12.0	3	15.8	-	8	47.1
KELUARGA (Suami/Isteri)	5	5.4	3	15.8	-	1	50.0
KELUARGA LAIN-LAIN	7	7.6	2	10.5	4	7.4	5.9
KENALAN BIASA	30	32.6	2	10.5	20	37.0	7
ORANG YANG TAK DIKENALI	11	12.0	5	26.3	6	11.1	-
SEX RIVAL	2	2.1	2	10.5	-	-	-
MUSUH	19	20.7	-	-	19	35.2	-
KENALAN BAIK KPD. KEKASIH PENJENAYAH	5	5.4	-	-	5	9.3	-
PEGAWAI POLIS	2	2.1	2	10.5	-	-	-
JUMLAH	92	100.0	19	100.0	54	100.0	17
							2
							100.0

JADUAL 17(A)

JENIS PENGEMBURIAN DI-KALANGAN
SESAMA RAS DAN DIANTARA RAS YANG BERLAINAN

SEX PENJENAYAH DAN HUBUNGANNYA
DENGAN MANGSA

HUBUNGAN RAS	VP		NON-VP		JUMLAH KES	
	HUBUNGAN INTER-PERSONAL	Bil.	Bil. JUMLAH	Bil. LELAKI	Bil. PEREMPUAN	Bil. %
KENALAN RAPAT	11	12.0	9	10.5	2	33.3
KELUARGA (Suami/Isteri)	5	5.4	2	2.3	3	50.0
KELUARGA LAIN-LAIN	7	7.6	6	7.0	1	16.7
KENALAN BIASA	30	32.6	30	34.9	-	-
ORANG YANG TIDAK DIKENALI	11	12.0	11	12.8	-	-
SEX RIVAL	2	2.1	2	2.3	-	-
MUSUH	19	20.7	19	22.1	-	-
KENALAN BAIK KEKASIH PEN-JENAYAH	5	5.4	5	5.8	-	-
PEGAWAI POLIS	2	2.1	2	2.3	-	-
JUMLAH	92	100.0	86	100.0	6	100.0
CHINA *	0	0	0	0	0	0
INDIA *	4	20	8	19.0	12	19.4
LAIN2 *	2	10	0	0.0	2	3.2
JUMLAH	20	100.0	42	100.0	62	100.0

* BULAN

JADUAL 17(A)

JENIS PEMBUNUHAN DI-KALANGAN
SESAMA RAS DAN DIANTARA RAS YANG BERLAINAN

HUBUNGAN RAS	VP YANG BERPILIHAN		NON-VP		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
INTRA-RACIAL	20	83.3	42	82.4	62	82.7
INTER-RACIAL	4	16.7	9	17.6	13	17.3
JUMLAH	24	100.0	51	100.0	75	100.0

MELAYU *	0	0	1	11.11	1	7.69
INDIA						
MELAYU *	0	0	1	11.11	1	7.69
BANGSA LAIN						
CHINA *	0	0	1	11.11	1	7.69
MELAYU						

JADUAL 17(B)

HUBUNGAN SESAMA RAS	VP		NON-VP		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
MELAYU * MELAYU	4	20	9	21.4	13	20.9
CHINA * CHINA	10	50	25	59.5	35	56.5
INDIA * INDIA	4	20	8	19.0	12	19.4
LAIN2 * LAIN2	2	10	0	0.0	2	3.2
JUMLAH	20	100.0	42	100.0	62	100.0

* BUNUH

JADUAL 18
CARA PEMBUNUHAN DIKALANGAN
SESAMA RAS DAN DIKALANGAN RAS YANG BERBEDA

CARA PEMBUNUHAN	INTRA-RACIAL		INTER-RACIAL		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
<u>JENIS PEMBUNUHAN DIANTARA RAS YANG BERLAINAN</u>						
TIKAM	27	43.5	4	30.8	31	47.3
HUBUNGAN RAS YANG BER- LAINAN	VP		NON-VP		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
MELAYU * CHINA	0	0	6	66.66	6	46.15
MELAYU * INDIA	0	0	1	11.11	1	7.69
MELAYU * BANGSA LAIN	0	0	1	11.11	1	7.69
CHINA * MELAYU	0	0	1	11.11	1	7.69
INDIA * CHINA	4	100	0	0	4	30.76
JUMLAH	4	100	9	100.0	13	100.0

TEMPAT PEMBUNUHAN	INTRA-RACIAL		INTER-RACIAL		JUMLAH KES	
	* BUNUH	Bil.	%	Bil.	%	Bil.
DI-RUMAH	19	30.6	4	30.7	23	30.6
LAIN2 TEMPAT	43	69.3	9	69.3	52	69.3
JUMLAH	62	100.0	13	100.0	75	100.0

JADUAL 20
TEMPAT PEMBUNUHAN DIKALANGAN
JENIS PEMBUNUHAN DI ANTARA SEX YANG BERBEDA
SE JENIS DAN DIANTARA RAS YANG BERBEDA

JADUAL 18
CARA PEMBUNUHAN DIKALANGAN
SESAMA RAS DAN DIKALANGAN RAS YANG BERBEDA

CARA PEMBUNUHAN	INTRA-RACIAL		INTER RACIAL		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
TIKAM	27	43.5	4	30.8	31	41.3
TEMBAK	8	12.9	3	23.1	11	14.7
PUKUL	18	29.0	3	23.1	21	28.0
LAIN-LAIN	9	14.5	3	23.1	12	16.0
JUMLAH	62	100.0	13	100.0	75	100.0

* BUNUH

JADUAL 19
TEMPAT PEMBUNUHAN DIKALANGAN
SESAMA RAS DAN ANTARA RAS YANG BERBEDA

TEMPAT PEMBUNUHAN	INTRA-RACIAL		INTER RACIAL		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
DI-RUMAH	19	30.6	4	30.7	23	30.6
LAIN2 TEMPAT	43	69.3	9	69.3	52	69.3
JUMLAH	62	100.0	13	100.0	75	100.0
TEMBAK	10	19	1	8	0	0
PUKUL	16	28	3	23	2	33
LAIN2	6	10	6	46	0	0
JUMLAH	56	100.0	13	100.0	6	100.0

* BUNUH

JADUAL 22

JADUAL 20

TEMPAT PEMBUNUHAN DI KALANGAN
JENIS PEMBUNUHAN DI ANTARA SEX YANG
SEJENIS DAN DIANTARA SEX YANG BERBEDA

JENIS HUBUNGAN	VP		NON-VP		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
LELAKI * LELAKI	17	70.8	39	76.4	56	74.6
LELAKI * PEREMPUAN	3	12.5	10	19.6	13	17.3
PEREMPUAN * LELAKI	4	16.6	2	3.9	6	8.0
JUMLAH	24	100.0	51	100.0	75	100.0

* BUNUH

JADUAL 23
JENIS PEMBUNUHAN YANG UJUD DI-LIHAT
DARI HUBUNGAN ANTARA MANGSA DAN PEMBUNUHAN-NYA

JADUAL 21

JENIS CARA PEMBUNUHAN DI KALANGAN SESAMA SEX
HUBUNGAN DAN DIKALANGAN SEX YANG BERBEDA

CARA PEMBUNUHAN	LELAKI * LELAKI		LELAKI * PEREMPUAN		PEREMPUAN * LELAKI		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
TIKAM	24	43	3	23	4	67	31	41.3
TEMBAK	10	19	1	8	0	0	11	14.7
PUKUL	16	28	3	23	2	33	21	28.0
LAIN2	6	10	6	46	0	0	12	16.0
JUMLAH	56	100.0	13	100.0	6	100.0	75	100

* BUNUH

KENALAN BAIK	11	14.7	0	0	11	21.3
KPD. KEKASIH	2	2.7	0	0	2	3.9
PERJENAYAH						

PEGAWAI POLIS	2	2.7	-83-	0	0	3.9
TIMBANG						

JADUAL 22

TEMPAT PEMBUNUHAN DIKALANGAN
SESAMA SEX DAN DIKALANGAN SEX YANG BERBEDA

JENIS HUBUNGAN	DI-RUMAH		TEMPAT LAIN		JUMLAH KES	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
LELAKI * LELAKI	12	52.2	44	84.6	56	74.6
LELAKI * PEREMPUAN	5	21.7	8	15.4	13	17.3
PEREMPUAN * LELAKI	6	26.1	0	0	6	8.0
JUMLAH	23	100.0	52	100.0	75	100.0

* BUNUH

JADUAL 23

JENIS PEMBUNUHAN YANG UJUD DI-LIHAT
DARI HUBUNGAN ANTARA MANGSA DAN PEMBUNUHAN-NYA

JENIS HUBUNGAN	JUMLAH MANGSA		VP		NON-VP	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
KENALAN RAPAT	12	16.0	4	16.7	8	15.7
KELUARGA (Suami/Isteri)	5	6.7	4	16.7	1	2.0
KELUARGA (LAIN-LAIN)	11	14.7	6	25.0	5	9.8
KENALAN BIASA	21	28.0	9	37.5	12	23.5
ORANG YANG TAK DI-KENALI	9	12.0	1	4.1	8	15.7
SEX RIVAL	2	2.7	0	0	2	3.9
MUSUH	11	14.7	0	0	11	21.6
KENALAN BAIK KPD.KEKASIH PENJENAYAH	2	2.7	0	0	2	3.9
PEGAWAI POLIS	2	2.7	0	0	2	3.9
JUMLAH	75	100.0	24	100.0	51	100.0

JADUAL 24

CARA PEMBUNUHAN DILAKUKAN DAN KAITAN NYA
DENGAN HUBUNGAN INTERPERSONAL MANGSA DAN PEMBUNUH

JENIS HUBUNGAN	JUMLAH		TIKAM		TEMBAK		PUKUL		LAIN2	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
KENALAN RAPAT	12	16.0	0	0	3	27.3	7	33.3	2	16.7
KELUARGA (Suami/Isteri)	5	6.7	2	6.5	1	9.1	1	4.8	1	8.3
KELUARGAE (LA IN-LAIN)	11	14.7	4	12.9	1	9.1	1	4.8	5	41.7
KENALAN BIASA	21	28.0	12	38.7	1	9.1	7	33.3	1	8.3
ORANG YANG TAK DIKENALI	9	12.0	4	12.9	2	18.2	3	14.3	0	0
SEX RIVAL	2	2.7	0	0	0	0	0	0	2	16.7
MUSUH	11	14.7	7	22.6	1	9.1	2	9.8	1	8.3
KENALAN BAIK KEKASIH PEN-JENAYAH	2	2.7	2	6.5	0	0	0	0	0	0
PEGAWAI POLIS	2	2.7	0	0	2	18.2	0	0	0	0
JUMLAH	75	100.0	31	100.0	11	100.0	21	100.0	12	100.0